

03 AUG 2002

LID-KAPITALISME GLOBAL/I

PERNIAGAAN BOLEH DILIHAT SEBAGAI HERO DALAM KAPITALISME

LANGKAWI, 3 Ogos (Bernama) -- Perniagaan boleh dilihat sebagai hero dan bukan penjenayah sekiranya kapitalisme global bertindak balas terhadap masalah berdasarkan kemampuan imaginasi dan kreativiti, kata Christopher Beale dari Institut Pengarah-pengarah yang berpangkalan di United Kingdom.

Beliau berkata jika ini boleh direalisasikan, ia akan membawa kapitalisme global lebih dekat seperti yang disuarakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Tokyo tahun lepas.

Dr Mahathir dilaporkan berkata bahawa "penindasan kepada yang lemah oleh yang kuat boleh berlaku jika ada huru-hara kapitalisme atau mungkin juga wujud demokrasi dengan sumber-sumber dunia digabungkan untuk mewujudkan tamaddun manusia yang tidak berlaku sebelum ini."

Institut Pengarah-pengarah merupakan badan yang bertanggungjawab untuk bekerja dengan kerajaan yang memerintah bagi mewujudkan persekitaran yang baik untuk perniagaan, merangsang dan memberi semangat keusahawanan, mengekalkan ekonomi yang kukuh dan berkembang, mewujudkan kekayaan untuk kebaikan masyarakat secara keseluruhannya.

Institut itu mempunyai lebih 70,000 anggota di seluruh dunia, 56,000 daripadanya di Britain dan mempunyai cawangan di banyak negara termasuk Zimbabwe, Afrika Selatan, Australia, New Zealand dan Kanada.

Bercakap pada Dialog Antarabangsa Langkawi Global 2002 (Global 2002 LID) di sini malam tadi, Beale berkata walaupun masalah masih banyak, dunia kini menjadi tempat yang lebih baik seperti kata bekas anarkis Johan Norberg dalam bukunya "In Defence of Global Capitalism" iaitu kapitalisme adalah jauh daripada kejahatan dalam bentuk global dan merupakan kuasa untuk kebebasan.

Kesatuan sekerja, kata beliau, mengakui bahawa multinasional perlu beroperasi dalam institusi negara dan mematuhi peraturan di negara asal.

"Kita tidak boleh menggangap mereka (multinasional) semuanya jahat, semua hanya pandai buat janji. Pasti pelaburan multinasional yang masuk berjalan menjangkau konsep pemangsa.

"Sekiranya syarikat-syarikat tidak mengambil kira keperluan dalam negara, mereka tidak sepatutnya terus hidup," katanya dalam uacapannya yang bertajuk: "Globalisasi, realiti baru: Multinasional -- Pengeksploitasi atau Rakan kongsi?"

Beale mengakui bahawa memang ada syarikat yang melakukan kesilapan besar seperti Enron, WorldCom dan lain-lain sejak beberapa bulan kebelakangan ini tetapi menegaskan bahawa mereka tidak mewakili keseluruhan perniagaan lain.

"Perusahaan swasta tidak layak dihukum kerana tindakan segelintir," tambah beliau. -- BERNAMA

AFY SHY TS NHD LAT